



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA MINGGU EPIDEMIOLOGI 30 (23 JULAI – 29 JULAI 2023)

11 OGOS 2023

Pada Minggu Epidemiologi ke-30 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,427 kes berbanding 2,258 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 169 kes (7.5%). Tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-30 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-30 adalah sebanyak 68,651 kes berbanding 31,127 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 37,524 (120.6%). Manakala sejumlah 47 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 22 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Bilangan lokaliti hotspot pada minggu ini menurun dengan sebanyak 93 lokaliti hotspot dilaporkan berbanding 104 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 70 lokaliti berada di Selangor, 10 lokaliti di WPKL & Putrajaya, enam (6) lokaliti di Kedah, empat (4) lokaliti di Perlis, dua (2) lokaliti di Sabah dan satu (1) lokaliti di Negeri Sembilan.

Bagi surveyan chikungunya satu (1) kes telah direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-30. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 145 kes. Manakala bagi surveyan zika, sebanyak 1,769 sampel darah dan 119 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Semua lapisan masyarakat mempunyai tanggungjawab yang sama dalam menjaga kebersihan dan kelestarian persekitaran. Aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia tidak bertujuan untuk menghukum, namun untuk memastikan kepatuhan pemilik premis dalam memastikan kawasan di bawah jagaan bebas dari nyamuk *Aedes*. Berdasarkan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975, pemilik premis yang didapati membiak nyamuk *Aedes* akan dikenakan kompaun RM500 dan tindakan mahkamah bagi kesalahan berulang. Pemilik premis yang disabitkan kesalahan di mahkamah boleh dikenakan denda maksima RM10,000 atau dua (2) tahun penjara atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kedua, denda maksima adalah RM 50,000 atau lima (5) tahun penjara atau kedua-duanya boleh dikenakan.

Oleh itu, pastikan kawasan premis tiada bekas/ tempat pembiakan nyamuk *Aedes* di dalam dan luar premis. Lakukan aktiviti gotong-royong bagi membersihkan premis serta lupuskan barang lusuh di tempat yang ditentukan. Bubuh bahan pembunuhan jentik-jentik di dalam tempat penampungan air serta tutup rapat bekas penyimpanan air. Semburran aerosol di dalam premis terutamanya di kawasan gelap dan tersorok bagi membunuhan nyamuk dewasa. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia